

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN PEMBENTUKAN NILAI AKHLAK PELAJAR

NATIONAL EDUCATION PHILOSOPHY (FPK) AND THE DEVELOPMENT OF STUDENTS' MORAL VALUES

Nor Faezah Ghazi Ahmad¹

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia,
(Email: norfaezahga@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 12-5-2025
Revised date : 12-5-2025
Accepted date : 18-6-2025
Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Ghazi Ahmad, N. F. (2025). Falsafah pendidikan kebangsaan dan pembentukan nilai akhlak pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 369 - 377.

Abstrak: *Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Malaysia, yang berteraskan pembangunan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI), memainkan peranan kritikal dalam membentuk akhlak pelajar melalui pendekatan holistik. Kajian ini menganalisis peranan FPK dalam konteks cabaran pendidikan semasa dan pasca-pandemik COVID-19, khususnya dalam menangani kesan peralihan mendadak kepada pembelajaran dalam talian yang menguji keberkesanan penerapan nilai murni. Walaupun pandemik mendedahkan jurang digital dan tekanan psikologi, FPK kekal relevan sebagai kerangka dinamik yang menyokong transformasi sistem pendidikan melalui integrasi aktiviti kokurikulum, pedagogi kreatif, dan penekanan terhadap keseimbangan JERI. Berdasarkan kajian perpustakaan terhadap literatur 2017–2024, dapatan menunjukkan bahawa FPK berjaya membentuk akhlak pelajar melalui empat strategi utama: (1) penerapan nilai murni seperti kejujuran dan tanggungjawab dalam kurikulum; (2) pendidikan holistik yang menggabungkan kecemerlangan akademik dengan pembangunan sahsiah; (3) peranan pendidik sebagai teladan dalam menyemai nilai etika; dan (4) aktiviti kokurikulum seperti khidmat masyarakat dan sukan yang mengukuhkan disiplin dan kerjasama. Pandemik turut mempercepatkan adaptasi digital, seperti penggunaan platform interaktif, yang selari dengan prinsip FPK untuk melahirkan pelajar berdaya saing dan berintegriti. Kajian ini menegaskan kepentingan kolaborasi antara institusi pendidikan, guru, dan komuniti dalam memastikan keberkesanan FPK. Cadangan strategik termasuk pemantapan infrastruktur digital, latihan pedagogi hibrid untuk guru, dan pengukuhan program sokongan psikososial. Secara keseluruhan, FPK bukan sahaja menjamin kecemerlangan akademik, tetapi juga membentuk generasi berakhlak mulia yang menyumbang kepada keharmonian sosial dan kemakmuran negara.*

Kata Kunci: *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pembangunan insan, pembentukan nilai integri*

Abstract: *Malaysia's National Education Philosophy (FPK), grounded in balanced human development encompassing physical, emotional, spiritual, and intellectual (JERI) dimensions, plays a critical role in cultivating students' moral character through a holistic approach. This study analyzes FPK's role within the context of current and post-COVID-19 pandemic educational challenges, particularly in addressing the impact of the abrupt shift to online learning, which tested the effectiveness of instilling core values. While the pandemic exposed digital disparities and psychological stress, FPK remains relevant as a dynamic framework supporting educational system transformation through the integration of co-curricular activities, creative pedagogy, and emphasis on JERI balance. Based on a literature review of 2017–2024 sources, findings indicate that FPK successfully cultivates student morality through four key strategies: (1) integrating core values like honesty and responsibility into the curriculum; (2) holistic education combining academic excellence with character development; (3) educators' role as ethical exemplars; and (4) co-curricular activities (e.g., community service, sports) reinforcing discipline and cooperation. The pandemic also accelerated digital adaptation, such as interactive platform usage, aligning with FPK's principles to produce competitive and integrity-driven students. This study highlights the importance of collaboration among educational institutions, teachers, and communities to ensure FPK's effectiveness. Strategic recommendations include strengthening digital infrastructure, providing hybrid pedagogy training for teachers, and enhancing psychosocial support programs. Ultimately, the FPK not only guarantees academic excellence but also shapes a generation of noble character that contributes to social harmony and national prosperity.*

Keywords: *National Education Philosophy, human development, integrity value cultivation*

Pengenalan

Pendidikan merupakan tonggak bagi sesebuah negara yang dinamik serta membangun. Oleh itu, sesebuah negara itu perlu mempunyai sistem pendidikan yang tersusun dari pelbagai sudut seperti kaedah dan fokus pendidikan itu sendiri. Hal ini penting kerana rakyat negara mempunyai hak dalam mendapatkan pendidikan yang terbaik bagi diri mereka yang bukan sahaja dapat memberi manfaat atau kelebihan kepada mereka secara individu tetapi juga masa hadapan negara tersebut. Di Malaysia, terdapat satu panduan yang diaplikasikan secara meluas dalam pendidikan negara yang disebut sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mulanya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang digubal pada tahun 1988 ini adalah berdasarkan tiga prinsip utama iaitu Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (Ahmad, Hamzah & Udin, 2011). Falsafah ini secara lazimnya bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai keseimbangan dalam empat aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek yang kelak akan menjadi seseorang insan yang berbakti kepada masyarakat dan negara. Hal ini sekali gus dapat memupuk keperibadian serta akhlak yang baik dalam seseorang individu dengan pelbagai cara seperti berfikir secara logikal dan kritikal tentang perkara yang mendatangkan masalah kepada mereka ataupun sebaliknya. Perkara-perkara ini dapat disemai melalui pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pada 16 Mac 2020, Bekas Perdana Menteri Malaysia ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama bagi seluruh rakyat Malaysia (Alyasa, 2020) rentetan daripada penularan virus COVID-19 yang merungsinkan keselamatan

dan kesihatan ketika itu. Hal ini telah memberi kesan kepada masyarakat serta negara dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan di negara Malaysia. Para pendidik dan pelajar didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang baharu iaitu secara dalam talian. Senario ini memberi kesan kepada pendidik dan pelajar dalam mengaplikasikan norma baharu. Ini sedikit sebanyak mengganggu salah satu inisiatif Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu memupuk akhlak anak didik negara kerana kurangnya medium yang berkesan untuk mendidik akhlak mereka. Bagi mengatasi masalah ini, para pendidik perlu bijak mengaplikasikan perkara-perkara yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Negara itu sendiri. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dengan merujuk artikel dan buku yang berkualiti bagi mengkaji peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam pembentukan akhlak pelajar di Malaysia.

Kajian ini mengaitkan keempat-empat elemen JERI (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek) secara dinamik dengan pembentukan akhlak, termasuk bukti empirik terkini (2020–2024) seperti kajian Sin & Hamid (2024) dan Rosli et al. (2022). Kajian lepas sering membincangkan elemen JERI secara terpisah (cth.: Azhari & Mustapa, 2021 hanya fokus pada rohani; Hafiz, 2020 hanya pada jasmani). Artikel ini mensintesis interaksi kesemua elemen melalui aktiviti kokurikulum, kurikulum, dan peranan guru.

Selain itu, kajian ini secara eksplisit menganalisis kesan pandemik COVID-19 terhadap pelaksanaan FPK, khususnya cabaran pembelajaran dalam talian terhadap pembentukan akhlak pelajar. Ini adalah dimensi baharu yang belum dijelajahi sepenuhnya dalam kajian lepas (cth.: Ahmad et al., 2011; Sabilan et al., 2018). Kebanyakan kajian terdahulu seperti Othman & Suhid, 2010; Zin, 2017) fokus pada konteks pendidikan konvensional tanpa menyentuh disruptif digital. Artikel ini mengisi jurang ini dengan menawarkan cadangan strategik seperti pedagogi hibrid dan sokongan psikososial sebagai respons kepada norma baharu. Justeru, kajian ini meyumbang kepada kajian terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tinjauan Literatur

Terdapat dua objektif yang akan dibincangkan dalam sorotan karya ini iaitu pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merangkumi elemen jasmani, emosi, rohani dan intelektual serta peranannya dalam pembentukan akhlak pelajar.

Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Proses pendidikan insan semestinya perlu melalui sistem yang menyeluruh dan seimbang yang merangkumi aspek intelek, sosial, emosi, rohani, jasmani, dan bermanfaat kepada dunia dan akhirat. Proses ini dapat dilaksanakan dengan jayanya jika ianya dilakukan secara berterusan. Tujuan pembangunan insan adalah untuk mewujudkan insan yang dapat merealisasikan potensi dan bakat terpendam yang dimiliki oleh pelajar secara sepenuhnya di mana keupayaan untuk membangunkan pendedahan manusia yang ideal.


Sistem pendidikan negara menjadi lebih sistematik dengan adanya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang dilaksanakan pada tahun 1996. Di mana penubuhan awal sebelum FPK adalah Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pada tahun 1988. FPK terus menjadi tonggak dalam sistem Pendidikan di Malaysia yang bermatlamatkan seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan

kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Sistem ini menekankan empat elemen teras dalam pembentukan insan yang seimbang iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Unsur- unsur dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Unsur- unsur dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Empat element eras yang ditekankan dalam FPK ini memainkan peranan penting dalam pembentukan insan yan sempurna yang bermula di peringkat sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi.

Jasmani

Jasmani menekankan kepentingan kesihatan fizikal dan kecergasan mental. Aktiviti sukan dan jasmani membantu pelajar mengembangkan disiplin diri, kerjasama, dan semangat kesukanan. Ini bukan sahaja meningkatkan kesihatan fizikal tetapi juga membentuk sikap positif dan disiplin dalam kehidupan seharian (Sin and Hamid, 2024 & Rosli, Mahmud and Azni, 2022).

FPK merangkumi aktiviti kokurikulum bagi Pendidikan Jasmani diperingkat sekolah manakala diperingkat universiti pula melalui keterlibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan persatuan seperti persatuan memanah, bola, hoki, menunggang kuda, berenang dan lain-lain di mana ia dapat menguatkan badan sekaligus meningkatkan daya tahan para pelajar (Azhan, Ab Malek, & Jasmi, 2022). Keterlibatan pelajar dalam aktiviti sebegini dapat menjadikan pelajar lebih berdisiplin di mana pelajar perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu, penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan juga dapat menjadikan pelajar lebih berfikiran positif iaitu pelajar diajar untuk bersemangat dan tidak mudah berputus asa. Penglibatan dalam aktiviti fizikal ini sejajar dengan tuntutan Islam. Menurut Riwayat Ibnu Majah, seseorang mukmin yang kuat lebih dicintai oleh Allah SWT dari mukmin yang lemah. Rasulullah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ ﷺ قَالَ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ
الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ احْرَضَ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَلَا تَعْجِزْ فَإِنْ غَلَبَكَ
أَمْرٌ فَقُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ وَإِيَّاكَ وَاللَّوْ فَإِنَّ اللَّوْ تَفْتِجُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Maksud: Dari Abu Hurairah dan sampai kepada Nabi SAW, baginda bersabda: "Seorang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah, dan dalam masing-masing keduanya itu terdapat kebaikan. Bersungguh sungguhlah terhadap sesuatu yang bermanfaat bagimu dan jangan lemah semangat. Jika suatu perkara mengalahkanmu maka katakanlah, 'Ketentuan Allah telah ditetapkan, dan suatu yang telah Dia kehendaki maka akan terjadi. Dan jauhilah olehmu dari ucapan 'Seandainya', karena sesungguhnya ungkapan 'Seandainya' membuka peluang masuknya syaitan."

(HR Ibnu Majah No: 4158)

Justeru, kita dapat lihat bahawa pendidikan negara Malaysia sangat menitikberatkan kesihatan fizikal golongan pelajar yang di mana ia boleh membantu dalam pembentukan akhlak mereka. Tambahan pula, menurut (Hafiz, 2020), potensi para pelajar boleh ditingkatkan dengan lebih cemerlang apabila persekitaran pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara kondusif dan terancang. Hal ini boleh membuatkan para pelajar lebih menghayati kokurikulum tersebut tanpa sebarang gangguan. Justeru, apabila pelajar mempunyai jasmani dan fizikal dalam tahap yang optimum, maka pembentukan akhlak pelajar dapat dibentuk dengan lebih berkesan. Ini dapat membuktikan bahawa FPK memainkan fungsi yang signifikan dalam membantu kerajaan dalam melahirkan individu-individu yang mempunyai akhlak yang baik.

Emosi dan Kerohanian

Elemen emosi memberi tumpuan kepada perkembangan emosi yang sihat. Pelajar diajar untuk mengenali dan mengurus emosi mereka dengan baik, yang membantu mereka membina hubungan yang harmonis dengan orang lain. Kemahiran ini penting untuk mengelakkan konflik dan membina persekitaran yang positif dan menyokong (Sin and Hamid, 2024 & Rosli, Mahmud and Azni, 2022). Oleh yang demikian, FPK sangat menekankan aspek rohani dan emosi kerana tahap kejayaan individu boleh dicapai apabila dalaman individu tersebut kuat.

Elemen rohani menekankan nilai-nilai keagamaan dan moral. Pendidikan rohani membantu pelajar mengembangkan rasa hormat, kesyukuran, dan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan orang lain. Ini membentuk asas akhlak yang kukuh dan membantu pelajar menjadi individu yang beretika dan berintegriti (Sin and Hamid, 2024 & Rosli, Mahmud and Azni, 2022).

Kokurikulum dalam pendidikan negara menggalakkan penerapan-penerapan nilai murni terhadap para pelajar telah dirangkumkan dalam FPK (Sabilan, Ishak, Abidin, Sulaiman, dan Tarimin, 2018). Hal ini demikian, apabila seseorang mempunyai rohani yang suci dan emosi yang stabil, ia dapat membuatkan personaliti seseorang menjadi seimbang. Menurut Zin (2017), kestabilan dan keteguhan sesebuah negara dapat dilihat apabila memiliki komuniti yang mempraktikkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian, Rasulullah SAW bersabda:

“Ingat, ada segumpal daging di dalam tubuh manusia. Jika dagingnya baik, maka seluruh tubuhnya baik. Jika daging itu tercela, maka seluruh tubuhnya akan rosak. Ingat, itu adalah hati. (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Melalui hadis tersebut, terbukti bahawa nilai-nilai murni yang ditekankan dalam sistem pendidikan di Malaysia sepertimana ditulis dalam FPK mampu membentuk akhlak remaja supaya menjadi insan yang berkualiti. Menurut Radzali (2021) aktiviti kokurikulum yang diadakan di sekolah, misalnya di dalam Persatuan Puteri Islam, para pelajar didedahkan dengan sifat-sifat yang positif seperti patuh kepada tuhan, jujur dan turut mengajar mereka agar menjauhi diri daripada perkara-perkara yang negatif. Justeru, elemen kerohanian dan emosi yang stabil mampu membentuk akhlak pelajar.

Intelektual

Elemen intelektual menekankan perkembangan pemikiran kritis dan kreatif. Pelajar digalakkan untuk berfikir secara mendalam dan menganalisis maklumat dengan bijak. Ini membantu mereka membuat keputusan yang baik dan bertanggungjawab, serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang berpengetahuan dan berdaya saing (Sin and Hamid, 2024 & Rosli, Mahmud and Azni, 2022).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan amat menekankan aspek intelek dalam membentuk akhlak pelajar. Cabang falsafah iaitu epistemologi yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana aliran tersebut dalam membantu golongan pelajar untuk meningkatkan dan memperkembangkan minda mereka. Epistemologi merupakan suatu aliran falsafah yang mampu merangsang minda golongan pelajar untuk berfikir. Hal ini kerana, persoalan-persoalan seperti prinsip realiti, ilmu dan nilai wujud dalam diri setiap pelajar yang membolehkan mereka untuk terus berfikir bagi mencari jawapan terhadap persoalan-persoalan tersebut (Shawal, 2020).

Dengan mengintegrasikan keempat-empat elemen ini, FPK dapat memastikan pelajar di Malaysia berkembang secara holistik, bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi akhlak dan sahsiah. Ini membantu melahirkan individu yang seimbang dan mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara.

Peranan falsafah pendidikan kebangsaan kepada akhlak pelajar di Malaysia

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak pelajar di Malaysia. FPK bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Terdapat empat cara bagaimana FPK dapat mempengaruhi akhlak pelajar antaranya adalah pertama melalui penerapan nilai murni. FPK menekankan penerapan nilai-nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, dan hormat-menghormati dalam kurikulum pendidikan (Sabilan, Ishak, Abidin, Sulaiman, dan Tarimin, 2018). Menurut Setyorini, (2024), nilai murni atau adab merupakan tonggak dalam keperibadian individu. Adab yang baik perlu dipayungi oleh ilmu pengetahuan yang mantap. Tanpa kedua-duanya, peradaban yang berwawasan tidak dapat diwujudkan. Oleh itu, budi pekerti yang murni dapat melahirkan individu yang beretika yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Pendekatan FPK yang kedua adalah menerusi pendidikan holistik. Imam Al- Ghazali menyatakan bahawa, kesempurnaan manusia adalah apabila manusia berusaha untuk mencari ilmu dan beramal dengan ilmu yang dipelajarinya (Azhari dan Mustapa, 2021). Pendidikan tidak hanya mengfokuskan kepada pengembangan potensi intelektual manusia, tetapi juga berperanan dalam menjaga kekuatan spiritual, pembentukan kepribadian yang baik, sikap positif, dan akhlak yang mulia (Afif, Qowim, dan Mukhtarom, 2022). Justeru, konsep yang diterapkan dalam FPK adalah selari dengan prinsip yang diterapkan dalam ajaran agama Islam iaitu FPK menggalakkan pendidikan yang menyeluruh, yang bukan sahaja mengfokuskan kepada akademik tetapi juga kepada pembangunan sahsiah dan moral pelajar. Ini bagi memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang dalam pembelajaran tetapi juga berakhlak mulia.

Pendekatan ketiga adalah pentingnya peranan pendidik dan institusi pendidikan. Para pendidik yang terdiri daripada semua tahap pendidikan termasuk guru dan pensyarah adalah golongan penting yang perlu memainkan peranan penting dalam menerapkan FPK dengan menjadi contoh teladan dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan akhlak pelajar. Para pendidik digalakkan untuk mengintegrasikan nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka seperti sikap jujur, berkasih saying, kerajinan, sentiasa bersyukur dan bersedahana dalam kehidupan (Ishak, dan Mohammad, 2021). Nilai-nilai ini diterapkan melalui pelbagai cara, termasuk dalam pengajaran dan pembelajaran, aktiviti kokurikulum, dan program pembangunan pelajar dengan mengadakan seminar, bengkel, dan aktiviti lain yang bertujuan untuk memperkukuhkan nilai-nilai murni ini dalam kalangan pelajar.

Penerapan yang terakhir adakah melalui aktiviti kokurikulum. Aktiviti kokurikulum seperti program kemasyarakatan dan sukan juga digunakan untuk mengukuhkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Selain itu, terdapat juga beberapa program khas di universiti yang bertujuan untuk membentuk akhlak dan sahsiah pelajar seperti program pembangunan sahsiah, kursus etika dan moral, aktiviti kokurikulum (khidmat masyarakat, program sukarelawan) dan program mentor-mentee yang melibatkan pensyarah yang bertindak sebagai mentor kepada pelajar bagi membimbing dan menasihati pelajar dalam pembangunan sahsiah pelajar (Daud, Yussuf, dan Kadir, 2020). Secara keseluruhannya, FPK berperanan besar dalam memastikan pelajar di Malaysia bukan sahaja berpengetahuan malahan berakhlak mulia dan bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan (library research) secara sistematik untuk menganalisis peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam pembentukan nilai integriti pelajar melalui lensa JERI (jasmani, emosi, rohani, intelek). Data dikumpulkan daripada sumber sekunder terpilih seperti artikel jurnal, buku akademik, dokumen dasar pendidikan, dan penerbitan rasmi kerajaan yang relevan dengan skop kajian. Tempoh penerbitan antara 2017–2024 untuk memastikan kesahihan maklumat terkini, Kajian ini mengfokuskan kepada konteks pendidikan Malaysia, FPK, Relevansi dengan pembentukan akhlak pelajar. Kredibiliti sumber melalui indeksasi dalam pangkalan data berwibawa (contoh: MyCite, Scopus).

Proses analisis melibatkan tiga fasa utama iaitu pertama, pengumpulan sumber melalui pencarian kata kunci strategik (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pembangunan JERI, pembentukan akhlak, integriti pelajar) di platform digital seperti Google Scholar, ERIC, dan repositori universiti tempatan. Kedua, penilaian kritikal terhadap dapatan literatur

menggunakan pendekatan analisis tematik untuk mengenal pasti pola, kontradiksi, dan jurang pengetahuan. Ketiga, sintesis hujah dengan mengintegrasikan perspektif pelbagai kajian lepas bagi membina kerangka konseptual holistik tentang mekanisme FPK dalam membentuk nilai integriti.

Pendekatan ini membolehkan penjelajahan mendalam terhadap dinamika FPK dalam konteks cabaran pendidikan pasca-pandemik, sekaligus memenuhi objektif kajian untuk mengkaji interaksi elemen JERI dengan pembangunan sahsiah pelajar.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sememangnya mempunyai peranan yang besar dalam melahirkan pelajar yang berakhlak mulia. Hal ini dapat dibuktikan dengan penglibatan aktif para pendidik atau pengaplikasian falsafah itu sendiri dalam sistem pendidikan negara kita yang kita percaya mampu mempengaruhi anak-anak muda dari pelbagai aspek termasuklah dari sudut pembangunan insan seimbang dengan menekankan pembangunan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Ini memastikan pelajar berkembang secara holistik dan menjadi individu yang seimbang dan berintegriti. Selain itu, peranan FPK dalam menerapkan nilai murni seperti menggariskan nilai-nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, hormat-menghormati, kasih sayang, kerajinan, kesederhanaan, dan kesyukuran. Nilai-nilai ini penting dalam membentuk akhlak dan peribadi pelajar yang beretika tinggi. Tambahan pula peranan penting yang dimainkan oleh pendidik dan aktiviti kokurikulum dan program khas universiti yang berfokus kepada nilai-nilai murni membantu dalam pembentukan akhlak pelajar. Terakhir adalah kesejahteraan masyarakat dan negara di mana pelajar diharapkan dapat menjadi individu yang berakhlak mulia dan mampu menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Oleh itu, FPK berperanan penting dalam memastikan pelajar di Malaysia bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga mempunyai akhlak yang baik dan beretika tinggi, yang mana ini adalah penting untuk kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Rujukan

- Afif, N., Qowim, A. N., & Mukhtarom, A. (2022). Pendidikan Akhlak Di Era Globalisasi Perspektif Buya Hamka. *Al Kamal*, 2(1), 271-271.
- Azhan, M. A. N., Ab Malek, N. I., & Jasmi, K. A. (2022). Mukmin yang Kuat serta Sihat Menurut Islam dan Sains dalam Sukan Sunnah. *Bil 4 Jilid 1 2022*, 4, 317.
- Azhari, D. S., & Mustapa, M. (2021). Konsep Pendidikan Islam Menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran (JRPP)*, 4(2), 271-278.
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif islam. *e-BANGI Journal*, 17(9).
- Ishak, M. K. A., & Mohammad, W. M. R. W. (2021). Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa melayu tahap 1 sekolah rendah: analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 148-168.
- Othman, M. K., & Suhid, A. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 11(1), 117-130.
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103.
- Sabilan, S., Lip, S. M., Ishak, M. F., Abidin, S. Z., Sulaiman, S. H., & Tarimin, M. (2018). Konsep penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Research Gate*, 1-14.
- Setyorini, M. (2024). Adab di Atas Ilmu: Sebuah Tinjauan Literatur. *JIMU: Jurnal Ilmiah Multidisipliner*, 2(02), 305-310.
- Sin, H. A., & Hamid, A. H. A. (2024). Amalan Gaya Kepimpinan Transformasi Guru Besar Dan Implikasinya Terhadap Motivasi Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(2), 1-14.